

CBP LANCAR DUA KEMPEN BONANZA, TAWAR PELBAGAI HADIAH LUMAYAN

1. Co-opbank Pertama (CBP) terus komited dalam menghargai pelanggan dengan melancarkan dua kempen bonanza iaitu Kempen Fee Based Bonanza 2026 dan Kempen Ar Rahnun Golden Bonanza.
2. Kedua-dua kempen ini menawarkan pelbagai hadiah lumayan termasuklah kereta elektrik, pakej percutian, motorsikal, wafer emas seberat 20 gram dan pelbagai lagi hadiah menarik.
3. “Kempen Fee Based Bonanza 2026 bermula pada 1 April 2026 sehingga 31 Mac 2027 dan terbuka kepada pelanggan yang melanggan produk perancangan kewangan CBP.
4. “Kempen ini menawarkan pelbagai hadiah lumayan seperti Proton e.MAS 5, pakej percutian, motorsikal dan lain-lain lagi,”kata Ketua Pegawai Eksekutif CBP, Encik Khail Anuar Mohammad Anuar menerusi satu kenyataan, hari ini.
5. Sementara itu, bagi Kempen Ar-Rahnun Golden Bonanza pula, ianya telah bermula dari 1 April 2026 sehingga 30 Jun 2026 menawarkan peluang kepada pelanggan yang melanggan produk Ar Rahnun Flexi untuk memenangi wafer emas seberat 20 gram, 10 gram dan satu gram.
6. Kempen ini terbuka kepada warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas, termasuk pelanggan baharu dan sedia ada, dengan jumlah pembiayaan minimum RM10,000.
7. “Kedua-dua kempen ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan dalam memperkukuhkan hubungan dengan pelanggan serta meningkatkan kesedaran terhadap produk dan perkhidmatan yang ditawarkan.
8. “CBP akan sentiasa mengutamakan pelanggan, dan berharap melalui kempen ini kami dapat memberikan ganjaran kepada pelanggan setia serta menarik minat pelanggan baharu.
9. “Orang ramai boleh mendapatkan maklumat-maklumat kempen ini menerusi semua media sosial rasmi CBP dan juga laman web CBP”, katanya.

-TERIMA KASIH-

Mengenai Co-opbank Pertama

Co-opbank Pertama (CBP) ditubuhkan pada 7 Jun 1950. Pada September 2014, CBP diiktiraf oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Bank Negara Malaysia (BNM) sebagai sebuah co-opbank. CBP terus berkembang dengan kini mempunyai sebanyak 35 cawangan termasuk outlet di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. CBP menawarkan pelbagai produk perbankan patuh Syariah termasuk perkhidmatan Ar-Rahnu. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.cbp.com.my.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi :

Unit Komunikasi Korporat, Co-opbank Pertama

ukk@cbp.com.my